

## BPPDP BIL. 01/2015 EDISI JANUARI



### Isu Utama Akhbar Januari 2015

## Kajian mendalam tambah baik sekolah

Tan Sri Muhyiddin Yassin

Kerajaan akan meneliti secara mendalam perubahan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap sekolah terbabit dengan banjir termasuk mengkaji reka bentuk serta tapak sekolah, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin. Timbalan Perdana Menteri berkata, tapak sekolah lebih sesuai perlu dilihat kerana selain dibina untuk tujuan pendidikan, ia boleh menjadi pusat pemindahan terutama di Pantai Timur yang setiap tahun dilanda bah. Tan Sri Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, pihaknya bercadang menggantikan penggunaan peralatan sekolah di Pantai Timur seperti meja dan kerusi kayu kepada plastik serta besi. Menurut beliau, Bahagian Pembangunan Kementerian akan melihat reka bentuk dan bahan yang digunakan supaya boleh tahan air serta cuaca. Kementerian akan meneliti kerana ada yang mengatakan kosnya lebih murah berbanding kayu. Di samping itu, beliau menyatakan kementerian juga melihat kemungkinan pusat makmal atau bilik komputer mana-mana sekolah yang terletak di tingkat bawah dipindahkan ke tingkat satu atau dua kerana kalau berlaku banjir kerana sukar untuk memunggah peralatan ke tempat lebih selamat, sekali gus mengakibatkan kos kerosakan meningkat.

Sumber: Berita Harian, 13 Januari 2015

## Pelajar perlu garis panduan guna bahasa kebangsaan


Datuk Seri Idris Jusoh

Kementerian Pendidikan mahu pelajar diberi panduan menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul, sekali gus memudahkan proses pembelajaran bahasa dan menjadikan komunikasi lebih berkesan. Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, amalan menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul adalah penting dan perlu digalakkan dalam kalangan pelajar. Beliau menyeru warga pendidik, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta ibu bapa untuk memberi panduan kepada anak supaya menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul. Beliau mengulas laporan akhbar sisipan BH, Minda mengenai golongan muda kini semakin cenderung, malah ramai berbangga menggunakan bahasa slanga dalam komunikasi harian bagi menonjolkan identiti kelompok sosial tersendiri. Penggunaan bahasa slanga mencetuskan kebimbangan terutama dalam kalangan pendidik, berikutan ada pelajar didapati terbawa-bawa dengan kebiasaan berbahasa slanga ketika menulis karangan peperiksaan. Sementara itu, Tan Sri Rais Yatim menyifatkan bahasa slanga sebagai 'perosak' kepada keindahan bahasa Melayu.

Sumber: Berita Harian, 14 Januari 2015

## Maklumat dan Pertanyaan

Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Aras 1 Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya  
Email: [infomedia@gmail.com](mailto:infomedia@gmail.com) <http://www.moe.gov.my>  
Tel : 03-8884 6002 Faks : 03-8884 6284



## RM18 juta baiki sekolah rosak akibat banjir



Datuk Seri Idris Jusoh

Sebanyak RM18 juta dibelanjakan untuk membaiki semua sekolah yang rosak akibat banjir dan jumlah itu boleh mencecah RM20 juta berikutan ada yang rosak sama sekali. Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, fokus utama kementerian adalah memastikan semua sekolah dan pelajar menerima bantuan buku dan kelengkapan lain seperti kerusi dan meja. Beliau berkata, apa yang penting ialah bagi sekolah berkenaan menerima kelengkapan yang sempurna untuk murid memulakan sesi persekolahan masing-masing. Perjanjian antara Tropicana Corporation Berhad dan Global Educational Group (GEMS) antara lain mencakupi pembinaan sekolah antarabangsa dikendalikan oleh GEMS. Datuk Seri Idris Jusoh berkata, fasa kedua Ops Pasca Banjir bermula minggu ini, membabitkan kajian terhadap kerja pengurusan banjir dan mengenal pasti punca termasuk melatih lebih ramai sukarelawan sebagai tambahan kepada 50,000 yang sudah dihantar.

Sumber: Utusan Malaysia, 20 Januari 2015

## Bahasa Melayu terus diperkembang

Tan Sri Muhyiddin Yassin

Bahasa Melayu akan terus dimantapkan dan dikembangkan bukan sahaja dalam negara malah di peringkat serantau. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, hasrat tersebut diyakini mampu dicapai selepas Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Bahasa Melayu dinaik taraf sebagai Institut Pendidikan Bahasa Melayu (IPBM) bermatlamat sebagai pembangunan profesionalisme pendidikan bahasa Melayu berkualiti tinggi. Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, institut berkenaan akan menjadi pusat rujukan utama kecemerlangan pendidikan pedagogi bahasa Melayu yang akan berfungsi sebagai Pusat Latihan Lanjutan Pendidikan Bahasa Melayu, mengawal pembangunan standard kualiti pendidikan bahasa Melayu, menjalankan penyelidikan dan inovasi selain menjadi pusat latihan dan jaringan pendidikan bahasa Melayu serantau. Beliau berkata, melalui usaha pemerkasaan dan naik taraf ini, kampus ini bukan sahaja akan melahirkan guru-guru bahasa Melayu, malah berperanan melahirkan bijak pandai serta menghasilkan pendidik yang tidak ada tolok bandingnya dari segi kepetahan berbahasa Melayu. Selain itu, mereka mampu menguasai kemahiran dalam pedagogi bertaraf antarabangsa hingga menjadi rujukan semua pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara.

Sumber: Utusan Malaysia, 30 Januari 2015

## Semua sekolah boleh mula sesi persekolahan - Idris

Datuk Seri Idris Jusoh

Sekolah-sekolah yang terjejas banjir di negeri Kelantan, Pahang dan Perak sudah boleh memulakan sesi persekolahan selepas kerja-kerja pembersihan dilakukan.

Sumber: Utusan Malaysia, 20 Januari 2015

### *Kata Kunci Kejayaan*

**"Anda tidak boleh mencipta pengalaman. Anda mesti menghadapinya."**

Albert Camus



# Data Statistik

Koleksi Bahan dan Keratan Akhbar Bagi Bulan Januari 2015

## 1. PEROLEHAN

BIL	JENIS KOLEKSI	JUMLAH
1.	Koleksi Umum	0
2.	Koleksi KPM	24
3.	Koleksi Tesis	331
4.	Koleksi CD-ROM	29
5.	Artikel Akhbar	330
6.	Koleksi Jurnal	15
7.	Koleksi Risalah/ Hadiah/Sumbangan	24
<b>JUMLAH</b>		<b>753</b>

## 2. KEMASUKAN DATA

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN TAJUK BAHAN
<b>JUMLAH</b>		<b>270</b>

## 3. PENGKATALOGAN

BIL	JENIS KOLEKSI	BILANGAN DIKATALOG
<b>JUMLAH</b>		<b>206</b>

Jumlah Kumulatif sehingga 31 Januari  
2015:184,293

Dapatkan maklumat bahan rujukan dan peminjaman melalui Sistem Virtua versi 2009 Perpustakaan KPM dengan melayari laman sesawang berikut:

<http://librarykpm.moe.gov.my>



Sektor Pusat Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

## ISU-ISU UTAMA YANG DIPAPARKAN DI AKHBAR BAGI BULAN JANUARI 2015

1. Kurikulum Pengajaran & Pembelajaran Bagi Semua Mata Pelajaran/MBMMBI/ Sukatan Mata Pelajaran  
- 8 isu
2. Kenyataan oleh Menteri Pendidikan & Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia  
- 15 isu
3. Pengurusan Pendidikan  
- 10 isu
4. Keselamatan Murid  
- 4 isu

## JUMLAH PENGGUNA PERPUSTAKAAN BAGI BULAN JANUARI 2015

210 Orang

## JUMLAH PENGUNJUNG PORTAL LIBRARYKPM SEHINGGA 31 JANUARI 2015

11,980 Orang

**Penuh tekad dengan iltizam yang tinggi bagi menjayakan PPPM 2013-2025**



*Senyum Selalu*  
**SEDIA BANTU**



## PT3 bukan sekadar peperiksaan



Mewujudkan kepelbagaian  
kemahiran dan membina  
komunikasi berkesan

Mungkin ada yang bertanya mengapa Penilaian Menengah Rendah (PMR) dimansuhkan. Persoalan dilontar setelah mengambil kira tempoh pelaksanaan sistem peperiksaan berpusat itu selama dua dekad bermula 1993.

PT3 adalah satu daripada komponen di bawah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di mana murid ditaksir untuk menilai pencapaian akademik mereka di peringkat menengah rendah iaitu di Tingkatan 3.

PT3 yang dilaksanakan adalah satu komponen pentaksiran berasaskan sekolah, manakala PMR adalah peperiksaan berpusat yang dijalankan serentak di semua sekolah di seluruh negara. PMR dikendalikan sepenuhnya oleh Lembaga Peperiksaan dari segi penyediaan kertas soalan, pentadbiran peperiksaan, pemeriksaan skrip jawapan dan pengeluaran keputusan.

Bagi PT3 Lembaga Peperiksaan menyediakan instrumen pentaksiran (soalan), panduan penskoran dan menetapkan tempoh pelaksanaan tetapi pentadbiran, pemeriksaan skrip jawapan dan pengeluaran keputusan dilakukan oleh pentadbiran sekolah.

Memang benar sistem peperiksaan terbukti melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi intelek atau pencapaian akademik, tetapi hasrat sistem pentaksiran kini adalah lebih dari hanya memberi penekanan dan melaporkan pencapaian akademik murid.

Tujuan pentaksiran adalah lebih meluas lagi, kita harus mewujudkan pentaksiran yang dapat merubah teknik pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi melahirkan modal insan yang berketerampilan dan lebih yakin dengan potensi diri.

Perubahan ini perlu bagi menjayakan program transformasi pendidikan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Artikel Penuh: [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20140629/pe\\_01/PT3-bukan-sekadar-peperiksaan#ixzz3XFUN37r6](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20140629/pe_01/PT3-bukan-sekadar-peperiksaan#ixzz3XFUN37r6)

© Utusan Melayu (M) Bhd

### WAKTU OPERASI

Isnin- Khamis  
8.00 pagi – 4.30 petang

Jumaat  
8.00 pagi – 12.00 tengah hari  
2.45 petang – 4.30 petang  
Ditutup pada Sabtu, Ahad dan  
cuti umum

### KEAHLIAN

Keahlian adalah percuma:

- Terbuka kepada semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia
- Institusi Pengajian Tinggi (IPTA dan IPTS)
- Agensi Kerajaan
- Penyelidik

Bagi pelajar/pensyarah universiti yang pertama kali mendaftar perlu:

- Membawa kad matrik dan surat pengesahan
- Melengkapkan borang pendaftaran
- Mendapatkan kad keahlian

Bagi agensi kerajaan lain dan penyelidik

- Membawa surat pengesahan dari ketua jabatan yang berkaitan

### Perkhidmatan Yang Disediakan

- Perkhidmatan Rujukan
- Perkhidmatan Sirkulasi
- Bilik Mesyuarat
- Peti Pemulangan Buku (24 Jam)
- Khidmat Nasihat dan Kepakaran
- Mesin Fotokopi (layan diri)
- Bilik Tayangan

Informatif, Tepat &  
Mesra



## MUHYIDDIN : AFFECTED STUDENT TO BE PLACED IN NEARBY SCHOOLS

Tan Sri Muhyiddin Yassin

Students from schools affected by the floods may be temporarily placed in nearby schools when the term begins next week. would be given to students whose uniforms were damaged by floods to wear normal attire to class. These temporary measures were announced by Deputy Prime Minister, Tan Sri Muhyiddin Yassin to ensure that the students did not miss out on their education when the school session starts. Tan Sri Muhyiddin, who is also Education Minister, said that with a about 300 schools affected by the floods and some still covered in mud, temporary measures were needed to keep the sessions to schedule. He said ministry hope that effort to repair the schools can be speed up, the ministry are also looking at placing affected students in nearby schools. It is all right if the temporary placement is for one or two months but certainly not for one year. He said this when sending off the Education Ministry's Post-Flood Volunteer Mission at the ministry yesterday. Classes in Kedah, Kelantan, Terengganu and Johor will start in Jan 11, while for the other states, begin on Jan 12. Tan Sri Muhyiddin said he had directed the ministry's Secretaries-General. Tan Sri Dr Madinah Mohamad and Prof Datuk Dr Zaini Ujang to simplify the process of awarding contracts for the repair of schools.

Source: Star, 6 January 2015

**HAPPY CHINESE  
NEW YEAR 2015**  
From EPRD

## DEFERRED SCHOOL FEES FOR VICTIMS

YB Datuk Mary Yap Kain Ching

Students whose families were affected by the recent floods can defer payment of school fees, including Parent Teacher Association (PIBG) fees. Deputy Education Minister Datuk Mary Yap Kain Ching said the initiative would not only help lighten the families' financial burdens, but would also assist students in flood hit areas to resume their lessons for the new school term without delay. She said students should also be allowed to take revision books and stationary items sold in school co-operatives and make payments later. She said the ministry has informed the respective schools to cooperate. We do not want have exercise books and stationary as a reason to skip lessons. She said no date has been fixed for the payment of school fees, but parents should make an effort to settle the payment when they are financially stable. She said the ministry understand the difficulties and losses suffered by the flood victims after their homes were inundated. She said delaying the school fees will allow parents to look into other, more pressing matters. Datuk Mary Yap Kain Ching said the ministry's priority was to ensure students who were affected by the disaster did not skip lessons and could continue to attend classes.

Source: Star, 14 January 2015

## VERNACULAR INSTITUTIONS OPENING UP – MINISTRY : MORE OTHER RACES JOINING CHINESE AND TAMIL SCHOOLS

YB P. Kamalanathan

More and more non-Chinese pupils have enrolled in Chinese schools over the past few years, as observed by the Education Ministry. Deputy Minister, P. Kamalanathan said the number of non-Chinese pupils in Chinese schools has increased and there were also some non-Tamil pupils enrolled in Tamil schools. The ministry do not have the specific data on this year's enrollment yet because this is the first week, but we hope to have better information next week once things have settled down. He said it is, however, very progressive and the ministry is absolutely fine with it. What is important is that they go the school. focused on just on race.

Source: Star, 19 January 2015



## Teachers do better in test

Datuk Seri Idris Jusoh

The quality of English teachers has improved with 76% of 5,000 teachers who sat for the Cambridge Placement Test (CPT) in the first batch moving up a band, says Second Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh. He said that another 10% had improved by two bands. He said that about 9,500 teachers are currently undergoing training for the CPT. The next batch will consist of another 8,000 teachers. The CPT was first carried out in 2012 with around 61,000 English teachers being gauged on their English language proficiency. The test results found that only 30% of English teachers were deemed to have a high mastery of the language while the remaining teachers either had some or low English proficiency. Datuk Idris said the ministry would train more than 23,000 teachers by December to ensure the quality of English in schools would improve. He also said English teachers would now have to attain a C1 or C2 in CPT before being allowed to teach the language. These grades, Datuk Seri Idris said, were equivalent to the requirements for their teaching counter parts in Britain.

Source: Star, 28 Januari 2015



## GOVT TO GO AHEAD WITH MUST PASS FOR ENGLISH

YB P. Kamalanathan

The government plans to go ahead and make English a must-pass subject in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination next year. Deputy Education Minister P. Kamalanathan said they have received several memorandums from various groups asking for a delay in the decision. He said the ministry will proceed with making English a must-pass subject although we have received several memorandums from various group asking us to delay the decision. He said the government has always placed an importance on English proficiency. He said this after witnessing the signing of a memorandum of understanding between Universiti Tun Abdul Razak and the Rotary Club of Kuala Lumpur in Kuala Lumpur yesterday. The ministry, assured P. Kamalanathan, would do its best to help teachers and students prepare for the examinations next year, including sending English-proficient teachers to schools which felt that they were not ready. Deputy Prime Minister, Tan Sri Muhyiddin Yassin had said that English would be must-pass subject in SPM next year. He praised the efforts by the Rotary Club, the university and the 30 student volunteers, who would be carrying out English engagement programmes for primary school pupils in Kampung Sungai Lui, Hulu Langat, for nine months this year.

Source: Star, 29 Januari 2015